

Persaingan antara MCA dengan Pertubuhan Cina: Dari Perebutan Kuasa Kepimpinan Masyarakat Cina kepada Penentangan Masyarakat Sipil

THOCK KER PONG

“Ahli politik atau mereka yang berlatar belakang politik harus menjauhi pertubuhan kebudayaan agar mengembalikan satu kawasan yang tidak tercemar kepada budaya Cina di Malaysia. Seandainya mereka tetap mahu menceburkan diri dalam pertubuhan kebudayaan Cina, mereka harus memberi keutamaan kepada pembangunan kebudayaan Cina. Kami juga ingin menegaskan bahawa mereka harus menghormati ciri-ciri kedaulatan pertubuhan kebudayaan, tidak menggunakan pertubuhan kebudayaan untuk mencapai matlamat politik mereka.” (Deklarasi Kebudayaan Golongan Intelektual Komuniti Cina, Malaysia dalam *Nanyang Siang Pau* 19.7.1997)

PENGENALAN

Sejarah awal penubuhan Pertubuhan Masyarakat Cina (*Huatuan*) di Malaysia berkait rapat dengan masyarakat penghijrahan awal dengan ramai imigran Cina berhijrah ke Asia Tenggara pada akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20. Keadaan yang huru-hara dan kemiskinan telah mendorong ramai penduduk di wilayah Guangdong dan Fujian meninggalkan kampung halaman untuk berhijrah ke negara-negara di Asia Tenggara untuk mencari nafkah hidup. Pencerobohan kuasa kolonial barat dan kemudiannya dasar ekonomi ekstraktif yang diamalkan di Asia Tenggara secara tidak langsung telah juga menggalakkan ramai orang Cina berhijrah ke sini.

Setelah sampai di rantau Tanah Melayu dengan keadaan masyarakat yang berlainan, imigran Cina itu biasanya memerlukan pertolongan dalam hidup harian, termasuk bantuan untuk mencari pekerjaan. Demi menjaga kepentingan bersama suku kaumnya, lahirlah hasrat menubuhkan persatuan yang berlandaskan tempat asal atau dialek yang disebut sebagai *Huiguan*. *Chia Ying Huiguan* di Pulau Pinang yang dibina pada tahun 1801 itu adalah contoh *Huiguan* atau persatuan dialek yang paling awal di Malaysia (Wu Hua 1980: 1-2).

Selain penubuhan *Huiguan* yang berasaskan tempat asal atau dialek, masyarakat Cina juga telah menubuhkan persatuan keluarga yang berlandaskan pertalian darah atau kesamaan nenek moyang (dari segi *surname*, nama keluarga). Sejarah penubuhan persatuan keluarga yang terawal di Tanah Melayu dapat dikesani pada tahun 1819 dengan penubuhan persatuan keluarga Ts'ao di Singapura (Yen 1986).

Sebelum penubuhan kedua-dua jenis persatuan tadi, komuniti Cina di Tanah Melayu telah membina tokong, kubur awam dan rumah sembahyang nenek moyang suku mereka. Pertubuhan itu boleh dianggap sebagai bentuk asal *Huiguan* dan persatuan keluarga. Pertubuhan itu telah memainkan peranan besar bagi masyarakat Cina dewasa itu. Misalnya, Tokong *Qingyunting* di Melaka yang telah ditubuhkan pada tahun 1673 dan Tokong *Guangfugong* di Pulau Pinang yang telah dibina pada 1799 itu telah membolehkan imigran menyembah Tuhan mereka di rantau asing.

Selain persatuan yang berasaskan tempat asal dan pertalian darah, golongan imigran Cina pedagang telah juga menubuhkan pertubuhan yang berasaskan bidang yang mereka ceburi mereka atau digelar persatuan perniagaan tidak lama kemudian. Selepas itu, pada awal abad ke 20, Dewan Perniagaan Cina mula ditubuhkan di banyak tempat di Malaya. Yang paling penting ialah Persekutuan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaya yang telah ditubuhkan pada tahun 1947 (dan ditukar namanya kepada Persekutuan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (PDPPCM) pada tahun 1963).

Sebelum Perang Dunia II, komuniti Cina Malaya mempunyai kesedaran politik tempatan yang agak rendah. Gejala ini berpunca daripada orang Cina Malaya ketika itu masih menganggap China negara mereka. Masa itu, hanya Parti Komunis Malaya yang ditubuhkan pada 1930 adalah satu-satunya parti politik tempatan di kalangan komuniti Cina. Dalam situasi sedemikian, kuasa kepimpinan komuniti Cina telah diterajui *Huatuan*, khususnya selepas penubuhan Dewan Perniagaan Cina dan persekutuannya. Ini dapat disaksikan bila kebanyakan aktiviti masyarakat Cina, termasuk penganjuran perhimpunan *Huatuan*, menuntut hak kepentingan dan membela pendidikan Cina. Kesemuanya telah dianjurkan dan dipengerusikan pemimpin Dewan Perniagaan Cina dan persekutuannya. Senario ini menunjukkan komuniti Cina masa itu masih berpegang kepada konsep tradisional dengan golongan peniaga diberi status yang tinggi.

Namun, struktur kepimpinan komuniti Cina telah berubah selepas parti politik MCA ditubuhkan pada tahun 1949 dan berlancarnya gerakan menuntut kemerdekaan Malaya. Lantaran kejayaan menuntut kemerdekaan Malaya daripada parti MCA, UMNO dan MIC dengan ketiga-tiga parti itu telah memerintah negara ini sehingga kini, maka kumpulan pemerintah ini telah kuat mempengaruhi ekologi politik Malaysia. Dalam sejarah pembinaan bangsa negara itu, *Huatuan* telah menjalin pelbagai hubungan dan interaksinya dengan MCA, dan ini menjadi inti yang akan dibincangkan dalam penulisan ini.

EKOLOGI KEPIMPINAN AWAL KOMUNITI CINA MALAYA

Persatuan dialek yang berlandaskan tempat asal dan persatuan pertalian darah yang berdasarkan nama keluarga itu mempunyai hubungan erat dengan sejarah penghijrahan orang Cina ke Malaya. Mereka ini yang datang dari tempat yang

berlainan di wilayah Guangdong dan Fujian itu mempunyai bahasa pertuturan dan adat resam yang berbeza-beza. Sebaik sahaja tiba di, Malaya, mereka lebih suka tinggal di tempat yang penghuninya datang dari kawasan yang sama dengan bahasa pertuturan yang sama. Sinaro itu telah memberi sumbangan kepada penubuhan *Huiguan* untuk mengeratkan hubungan nostalgia selain untuk menjaga kebajikan bersama. Pemimpin tempatan yang memimpin *Huiguan* itu secara semula jadinya telah dipilih menjadi pemimpin komuniti Cina kawasan itu.

Selain penubuhan *Huiguan*, tokong, perkuburan awam dan rumah menyembah nenek moyang, masyarakat Cina juga menubuhkan pertubuhan kongsi gelap. Pertubuhan kongsi gelap orang Cina sebenarnya telah wujud lama di Tanah Melayu. Pada tahun 1794, Francis Light telah mengesan kewujudannya dan pada tahun 1794 kekacauan kongsi gelap telah dilaporkan kerajaan kolonial (Purcell 1967: 40 & 156). Masa itu, kongsi gelap pernah memainkan peranan sebagai 'kerajaan dalaman' untuk mentadbir komuniti Cina, termasuk menyelesaikan pertelingkahan sesama ahlinya dan mengawal ketenteraman dan peraturan masyarakat. Sehubungan itu, kongsi gelap boleh dikatakan telah menyumbang tenaga untuk menstabilkan komuniti imigran Cina pada masa awal itu (Yen 1986: 115).

Ada banyak puak dan pertubuhan dalam komuniti Cina dewasa itu. Situasi ini menunjukkan bahawa masyarakat Cina berada dalam keadaan yang kompleks dari dahulu lagi. Kerajaan British terpaksa menangani beraneka masalah sosial yang dibawa orang Cina, selain mendapati sukar mengatasi masalah seperti berjudi, menghisap candu, merompak, pelacuran dan pergaduhan. Lantaran itu, kerajaan British mengamalkan dasar *laissez faize*, iaitu tidak mahu bercampur tangan dalam masalah sosial imigran Cina; sebaliknya masyarakat Cina diberi kebebasan untuk menyelesaikan masalahnya sendiri. Dalam keadaan itu, macam mana komuniti Cina dapat mengatasi masalah dan pertelingkahan yang beraneka ragam itu? Ini bergantung kuat pada pertubuhan seperti kongsi gelap dan *Huiguan*. Dengan kata lain, pertubuhan seperti *Huiguan* dan kongsi gelap telah menjadi paksi dan pusat kepimpinan komuniti imigran Cina, selain menaja sifat kepimpinan komuniti Cina yang berbentuk tradisional itu.

Tidak lama kemudiannya, kerajaan kolonial British mula mengamalkan pemerintahan secara tidak langsung terhadap komuniti Cina dengan melantik pemimpin masyarakat tempatan atau 'kapitan' Cina untuk membantu mentadbir masyarakat Cina.¹ Golongan pemimpin ini lazimnya terdiri daripada pemimpin *Huiguan* tempatan dan kadangkala juga pemimpin kongsi gelap. Sebelum melaksanakan sistem pelantikan jawatan 'Pegawai Menjaga dan Membela Orang Cina', kerajaan British telah menggunakan pertubuhan kongsi gelap untuk mentadbir masyarakat Cina di Negeri-Negeri Selat untuk mengendalikan masalah imigran Cina yang rumit (Yen 1986: 115).

Sistem jawatan 'Pegawai Menjaga dan Membela Orang Cina' itu menandakan pihak British telah bercampur tangan secara langsung dalam hal ehwal orang

Cina. Pada tahun 1889, Ordinan pertubuhan sosial telah dikuatkuasakan dengan menetapkan bahawa semua pertubuhan kongsi gelap diharamkan. Lantaran itu, ramai pemimpin dan ahli kongsi gelap diusir dari Tanah Melayu. Mulai tahun 1890, pihak British tidak lagi menggunakan pertubuhan kongsi gelap untuk mengawal masyarakat Cina selain menghapuskan sistem kapitan orang Cina pada 1901. Pelaksanaan kedua-dua dasar itu telah membawa pengaruh yang mendalam ke atas struktur dan ekologi kepimpinan komuniti orang Cina. Memandangkan hanya *Huiguan* masih kekal dalam pemerintahan tradisional komuniti Cina, maka pemimpin *Huiguan* atau *Huatuan*, dilihat sebagai satu-satunya pemimpin komuniti Cina. Situasi ini diteruskan sehingga dekad 1940-an (Douglas & Pedersen 1973: 33).

Sebelum Perang Dunia II, *Huatuan* telah mengamalkan corak kepimpinan atau pemerintahan yang berbentuk 'struktur kuasa dalaman' dalam masyarakat imigran Cina. Disebabkan masyarakat Cina menganggap status golongan peniaga lebih tinggi daripada yang lain-lain, maka dalam pemerintah yang berbentuk 'struktur kuasa dalaman' ini, golongan peniaga secara amnya menerajui kuasa kepimpinan masyarakat itu. Pemimpin itu adalah peniaga kaya raya yang dihormati masyarakat tempatan, selain memimpin pertubuhan perniagaan dan memegang jawatan penting dalam *Huiguan*.

William Skinner (1958) yang mengkaji masyarakat Cina di Bangkok dan Asia Tenggara mendapati golongan pemimpin komuniti Cina biasanya memegang pucuk pimpinan dalam beberapa pertubuhan yang mempraktikkan budaya penindihan jawatan dalam struktur kepimpinan masyarakat Cina. Selanjutnya, Wang Gangwu pernah membahagikan kecenderungan politik orang Cina di Tanah Melayu sebelum merdeka itu kepada tiga jenis: bentuk A, B dan C. Beliau berpendapat dalam bentuk B itu diwakili golongan peniaga. Golongan peniaga lebih gemar melibatkan diri dalam pertubuhan sosial untuk dapat memegang jawatan dalam pertubuhan yang berstatus sebagai pemimpin orang Cina dalam masyarakat Cina yang masih mendukung 'struktur kuasa dalaman' (Wang 1981). Sebelum parti politik Cina dibentuk, pemimpin *Huatuan* memang dipandang berat oleh kerajaan kolonial. Kedudukan mereka direstui kerajaan kolonial kerana peranan mereka sebagai perantara bagi komuniti Cina dengan kerajaan kolonial.

Selepas Perang Dunia II, struktur kepimpinan komuniti Cina itu mula berubah. Pelaksanaan rancangan Malayan Union (1946) oleh kerajaan kolonial British, Persekutuan Tanah Melayu (1948) dan pilihan raya bandaran Kuala Lumpur (1952) dan tuntutan kemerdekaan telah meningkatkan kesedaran politik orang Cina.² Kesediaan dan identiti nasionalisme orang Cina mula beralih kepada Malaya (Chui 1990: 3-4). Dalam keadaan politik Malaya yang berubah drastik itu, muncullah kuasa kepimpinan baru dalam komuniti Cina dengan dipimpin orang yang berpendidikan Inggeris. Golongan ini menjadi pengasas dan pemimpin utama parti Malaysian Chinese Association (MCA) yang ditubuhkan pada 1949 dengan menggunakan cara yang lebih lembut dan elastik untuk menuntut hak dan kepentingan bagi orang Cina.

Disebabkan cara menuntut hak dan kepentingan yang dibuat golongan ini berbeza dengan yang digunakan pemimpin tradisional pertubuhan Cina, tidaklah hairan golongan baru ini telah mencabar status kepimpinan tradisional pemimpin *Huatuan*. Ini turut membawa kepada ‘perpecahan fenomena kepimpinan’ dalam masyarakat orang Cina, khususnya antara kepimpinan tradisional di kalangan pemimpin *Huatuan* dengan kepimpinan politik baru di kalangan pemimpin MCA (Wan 1967: 147-148). Walaupun hala perjuangan kedua-duanya adalah sama, iaitu memperjuangkan kepentingan komuniti orang Cina, namun kedua-dua kuasa ini tetap bersaing sesama sendiri khususnya dalam merebut kuasa kepimpinan tertinggi dalam masyarakat orang Cina. Situasi itu muncul sebaik sahaja MCA ditubuhkan dengan persaingan ini telah mempengaruhi hubungan mereka.

Tan Liok Ee (1995: 124) pernah menyatakan rekahan antara MCA dengan pemimpin pertubuhan Cina itu menggambarkan perpecahan yang berterusan antara pemimpin komuniti Cina, iaitu antara mereka yang bersaing untuk mencari ‘kuasa pemerintah teras’ dengan ‘kuasa di pinggir’, atau antara mereka yang cuba mempertahankan kuasa teras dengan mereka yang cuba merebut kuasa itu. Kenyataan Tan (1995: 124) dalam bahasa Inggeris itu berbunyi:

“the rift between MCA and shetuan leaders represented a divide that was to persist and re-emerge again and again between those Chinese leaders who were willing to accept the core within the “terms of governance” and seek mainly to contest the periphery and those who persisted in trying to contest or redefine the core”.

REBUTAN KUASA KEPIMPINAN KOMUNITI CINA

Kelahiran MCA berkait erat dengan *Huatuan* kerana pemimpin *Huatuan* adalah kuasa pendorong kelahiran MCA pada tahun 1949. Masa itu, kerajaan kolonial British bercadang untuk membina sebuah parti orang Cina untuk menyokong kerajaan itu demi menyekat keleluasaan pengaruh Parti Komunis Malaya dalam masyarakat Cina.³ Untuk merealisasikan cadangan itu, pihak British telah bertemu dengan pemimpin *Huatuan* sejak awal lagi. Pesuruhjaya Tinggi, Sir Henry Gurney telah menemui Lee Hau Sik (H.S. Lee) untuk memujuknya untuk menubuhkan sebuah parti politik orang Cina (Heng 1988: 55).

H.S. Lee adalah pemimpin yang berprestij tinggi dalam masyarakat Cina masa itu. Selain menjadi ahli perundangan persekutuan yang dilantik kerajaan kolonial, beliau juga adalah pemimpin utama dalam beberapa buah *Huatuan*. Ini bermakna beliau adalah presiden Persekutuan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaya, presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Selangor, presiden Persekutuan Persatuan-Persatuan Kwang Tung Huiguan Malaya dan Persatuan Kaochow Malaya. Lee bersama dengan lima belas orang ahli perundangan persekutuan telah menghantar surat kepada semua dewan perniagaan dan perindustrian di seluruh negara untuk meminta mereka membantu

menubuhkan parti politik orang Cina. Lantaran itu, pada 27 Februari 1949, dengan sokongan dan galakan daripada kerajaan kolonial, sebuah parti orang Cina, iaitu MCA, telah ditubuhkan dengan rasminya.

Pada mulanya, pemimpin MCA tidak mendapat sokongan daripada komuniti Cina, kerana kebanyakan pemimpin MCA itu terdiri daripada peniaga yang ada status dan golongan profesional yang mempunyai hubungan dengan perniagaan besar, lagipun kebanyakannya itu berpendidikan Inggeris, maka amat sukar untuk mereka menjalin hubungan dengan komuniti Cina massa (Cheah 1984: 41). Ternyata kelahiran MCA mempunyai kaitan erat dengan pertubuhan Cina, terutamanya pemimpin Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina telah menunjangi penubuhannya.

Berlandaskan struktur barisan pemimpin yang kuasai golongan peniaga, matlamat penubuhan MCA pada mulanya lebih tertumpu kepada membela kepentingan perniagaan dan menggalakkan penglibatan orang Cina dalam sektor ekonomi. Daripada segi politik, kelahiran MCA yang bertujuan untuk memenuhi kehendak kerajaan kolonial British itu menyebabkan matlamat perjuangan politiknya itu agak kabur di peringkat awal. Kesemua ini menyebabkan MCA selalu digelar sebagai parti politik '*Toujia/Orang Kaya*'.

Pada mulanya, barisan pemimpin MCA yang diterajui golongan peniaga telah menyebabkan pemimpin MCA lebih cenderung untuk memperjuangkan kepentingan golongan peniaga. Dari segi lain, kepentingan komuniti Cina massa seperti hak politik dan keperluan pendidikan Cina tidak diberi perhatian serius oleh MCA. Perkembangan ini telah menyebabkan *Huatuan* yang telah memperjuangkan hak dan kepentingan komuniti Cina massa itu merasa tidak puas hati. Kumpulan *Huatuan* ini, termasuk Dewan Perhimpunan Cina, *Huiguan* dan pertubuhan pendidikan Cina telah ditubuhkan kemudian.

Selepas pilihan raya umum yang pertama yang telah dikendalikan kerajaan kolonial pada tahun 1955, pihak kerajaan British telah melantik Suruhanjaya Reid untuk menggubal perlembagaan baru menjelang kemerdekaan. Masa itu, pemimpin *Huatuan* umumnya beranggapan bahawa persetujuan dalam Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948 itu telah menafikan hak dan status yang sepatutnya dipunyai orang Cina di Malaya, maka mereka berharap agar perlembagaan baru ini membuka peluang keemasan untuk orang Cina menuntut semula lebih banyak haknya.

Mereka berpendapat semasa berunding dengan pemimpin UMNO tentang peruntukan perlembagaan baru, pemimpin pusat MCA harus menuntut status yang setaraf dengan orang Melayu bagi kaum Cina (Tan 1995: 122). Mereka meminta MCA mengambil kesempatan ini untuk menuntut hak kerakyatan berlandaskan prinsip *jus soli*, meminta agar bahasa Cina diterima sebagai bahasa rasmi dan pendidikan Cina diberi ruang lebih untuk berkembang. Lau Pak Khuan, pemimpin utama golongan *Huatuan* ini, pernah memegang jawatan pengerusi dalam jawatankuasa perhubungan negeri Perak, MCA dan juga adalah pemimpin komuniti Cina yang penting.

Namun, pemimpin yang tertinggi dalam MCA tidak begitu merestui tuntutan hak dan kepentingan orang Cina yang dikemukakan pemimpin *Huatuan* itu. Pada umumnya, mereka berpendapat amat sukar untuk mengubah status penguasaan orang Melayu di bidang politik ketika perlembagaan baru digubal. Mereka berpendapat adalah lebih realistik untuk menuntut taraf kerakyatan orang Cina berlandaskan prinsip jus soli, kerana selepas memiliki taraf kerakyatan, orang Cina akan mempunyai hak politik yang dapat digunakan untuk membela dan memperjuangkan kepentingan mereka.⁴ Sehubungan itu, pemimpin tertinggi MCA berpendapat orang Cina harus berkompromi tentang cadangan UMNO dalam hak istimewa, kedudukan bahasa rasmi dan perkara lain agar pemimpin UMNO merestui tuntutan MCA dalam isu taraf kerakyatan.

Ternyata bahawa pendirian MCA itu berbeza dengan pendirian pemimpin tradisional *Huatuan*. Kebanyakan pemimpin *Huatuan* ini selain sebagai pemimpin *Huiguan*, adalah pemimpin utama MCA di peringkat daerah dan negeri. Mereka pada umumnya berpendapat bahawa pemimpin pusat MCA yang berpendidikan Inggeris itu tidak menunjukkan pendirian yang tegas seperti mereka dalam isu bahasa rasmi dan pendidikan Cina. Percanggahan pendirian ini telah menyebabkan golongan pemimpin *Huatuan* melancarkan gerakan untuk meninggalkan MCA untuk menubuhkan sebuah parti orang Cina yang baru (Heng 1988: 238).

Gerakan itu diketuai pemimpin *Huatuan* yang tersohor, seperti Lau Pak Khuan, Leong Chee Cheong, Cho Yew Fai dan Lim Lian Geok. Pada 27 April 1956, mereka menganjurkan kongres *Huatuan* peringkat kebangsaan dengan dihadiri 400 buah *Huatuan* dan 900 orang perwakilan. Dua resolusi telah dikemukakan dalam kongres itu: menetapkan tuntutan hak dan kepentingan orang Cina dalam perlembagaan baru dan menubuhkan sebuah parti daripada masyarakat Cina massa (Heng 1988: 240). Walaupun penubuhan parti alternatif itu tidak berjaya pada saat yang terakhir,⁵ tetapi kongres itu telah berjaya menubuhkan jawatankuasa yang digelar Jawatankuasa Perwakilan Pertubuhan Cina yang dipimpin Lau Pak Khuan untuk memperjuangkan hak dan kepentingan masyarakat Cina.

Pada Februari 1957, laporan Suruhanjaya Reid telah diumumkan. Isi kandungannya amat berbeza daripada permintaan yang dikemukakan pemimpin *Huatuan*. Komuniti Cina merasa amat kecewa dan menyebabkan Jawatankuasa Perwakilan Pertubuhan Cina itu menghantar delegasi yang terdiri daripada tiga orang wakil ke London untuk mengemukakan tuntutan komuniti Cina kepada kerajaan British. Sebelum pergi, Tan Kee Gak telah membuat pengumuman "...1094 buah *Huatuan* yang mewakili 2 juta orang Cina telah memberi mandat kepada kami. Kami akan melaksanakan mandat tersebut.... Kami tidak percaya MCA dapat memperjuangkan sesuatu untuk komuniti Cina." (Vasil 1980: 105-106). Percanggahan pendirian antara pemimpin *Huatuan* dengan pemimpin MCA telah menyebabkan keretakan dalam hubungan mereka. Natiujahnya, mereka telah menggunakan landasan yang berlainan untuk perjuangan mereka walaupun

kedua-duanya mempunyai matlamat yang sama: memperjuangkan hak dan kepentingan orang Cina. Dari segi lain, kedua-duanya bersaing untuk merebut kuasa kepimpinan komuniti Cina.

Sepuluh tahun selepas merdeka, perlembagaan negara telah menetapkan hak dan kepentingan setiap kaum dan haluan pembinaan negara dengan negara kita aman dan stabil. Dalam tempoh itu, pemimpin MCA dan *Huatuan* dapat memainkan peranan yang berbeza untuk komuniti Cina. Sekiranya MCA sebagai parti pemerintah telah memainkan peranan sebagai pemimpin dalaman kerajaan, maka pemimpin *Huatuan* telah memainkan peranan sebagai pemimpin masyarakat Cina massa. Walaupun persaingan dan penentangan antara kedua-duanya tidak sehebat dahulu, namun hubungan mereka tetap tegang.⁶

Selepas rusuhan kaum 13 Mei 1969, suara komuniti Cina senyap buat seketika. Selain merasa gelisah pada mulanya, masyarakat Cina berdepan dengan masa depan yang tidak menentu dan penuh dengan kesukaran dan kecemasan. Disebabkan prestasi MCA telah merosot dengan hanya memperoleh 13 kerusi parlimen daripada 33 kerusi yang dipertandingkan, presidennya Tan Siew Sin telah mengumumkan bahawa wakil MCA tidak akan menyertai barisan kabinet dan tidak juga menerima perlantikan sebagai ahli eksekutif dewan undangan negeri dengan alasan komuniti Cina telah menolak MCA sebagai wakil. Pada 15 Januari 1971, Timbalan Perdana Menteri, Dr. Ismail, selaku orang nombor dua dalam UMNO telah memberi amaran kepada MCA dan MIC bahawa jikalau MCA dan MIC terus berkeadaan 'separuh mati', jalan terakhir bagi UMNO ialah bercerai dengan rakan-rakan Perikatan tersebut (Cheah 1984: 176).

Selepas peristiwa 15 Mei, sekali lagi sudah tercetus perebutan kuasa kepimpinan komuniti Cina antara *Huatuan* dengan MCA. Demi mengembalikan semula kegemilangan dan keutuhan MCA, Tan Siew Sin dan barisan kepemimpinannya telah melaksanakan beberapa langkah reformasi yang proaktif.⁷ Antaranya adalah menjalin semula hubungan MCA dengan *Huatuan* agar dapat mempertahankan kepentingan orang Cina. Masa itu, MCA telah melaksanakan Gerakan Perpaduan Orang Cina. Bagi mencapai matlamat itu, parti itu memupuk dan menganjurkan perhimpunan pemimpin *Huatuan*. Pada 7 Februari 1971, perhimpunan kali pertama telah diadakan di Kuala Lumpur yang telah menyaksikan kesungguhan gerakan perpaduan di kalangan orang Cina. Alex Lee, pemimpin muda *Huatuan* yang memimpin jawatankuasa perpaduan orang Cina, telah diberi tugas untuk menganjurkan perhimpunan itu dengan ayahnya, H.S. Lee, tokoh veteran MCA, pula bertanggungjawab mempengerusikan perhimpunan itu.

Semasa berucap dalam perhimpunan itu, Tan Siew Sin menyeru orang Cina untuk bersatu padu di bawah payung MCA dan beliau bersedia untuk melepaskan jawatan presiden parti sekiranya kaum Cina menganggapnya sebagai penghalang kepada pencapaian perpaduan. Namun, pemimpin *Huatuan* tidak bersetuju dengan cadangan itu dan menganggap perpaduan orang Cina sangat penting tetapi tidak menganggap MCA adalah saluran untuk mencapai perpaduan (Loh 1982: 12). Oleh sebab itu, mereka menubuhkan satu badan yang digelar

Jawatankuasa Perpaduan Orang Cina Malaysia untuk memimpin gerakan perpaduan orang Cina. Jawatankuasa yang terdiri daripada 10 orang tokoh *Huatuan* dengan dipimpin Alex Lee dan dua orang ahli parti MCA.⁸ Pembentukan jawatankuasa itu menunjukkan pemimpin *Huatuan* menolak gagasan perpaduan orang Cina yang ditaja MCA.

Lantaran perhimpunan gerakan perpaduan orang Cina yang dianjurkan di Kuala Lumpur itu telah mendapat sambutan hangat dengan *Huatuan* di seluruh Malaysia turut mempergiatkan gerakan itu. Ini dapat disaksikan dengan perhimpunan gerakan perpaduan orang Cina yang diadakan di Ipoh, Seremban dan Pulau Pinang turut mendapat sambutan dan sokongan hebat daripada komuniti Cina. Ini menyebabkan gerakan itu berkembang menjadi gerakan berperingkat kebangsaan dan bermotif politik. Pada 14 April 1971, pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Orang Cina, Alex Lee menyatakan bahawa jawatankuasa itu akan memohon agar berdaftar sebagai parti politik.

Tindakan itu telah bercanggah dengan hasrat asal gerakan perpaduan orang Cina yang disarankan oleh Tan Siew Sin. Beliau berasa amat kecewa dan memberi amaran kepada pemimpin *Huatuan* bahawa tindakan mereka itu akan menyebabkan kecurigaan orang Melayu (Morais 1972: 287). Berikutan perkembangan tersebut, gerakan perpaduan orang Cina telah mencetuskan persaingan antara dua kuasa orang Cina untuk menerajui gerakan tersebut. Penglibatan MCA dalam gerakan tersebut lebih dilihat sebagai menggunakan gerakan perpaduan itu sebagai alat bagi menguatkan partinya, manakala Jawatankuasa Perpaduan Orang Cina pula berpendapat bahawa gerakan perpaduan itu harus menjangkaui batasan parti politik (Ho 1998: 89-90). Jelasnya, kedua-dua kuasa mempunyai pendirian yang bercanggah, mereka bersaing untuk merebut kuasa kepimpinan komuniti Cina.

Selepas Tan Siew Sin memberi amaran kepada pemimpin *Huatuan* yang ingin mendaftarkan gerakan perpaduan orang Cina itu sebagai parti politik, satu perubahan drastik tercetus dengan pemimpin utama UMNO seperti Tunku Abdul Rahman dan Senu Abdul Rahman (Setiausaha Agong UMNO) turut tidak bersetuju dengan tindakan mendaftarkan gerakan itu sebagai parti politik. Manakala pemimpin UMNO yang berada di barisan kedua turut mengkritik gerakan itu bersifat cauvinis. Nampaknya gerakan tersebut tidak mungkin mendapat restu daripada pihak berkuasa untuk didaftarkan sebagai parti politik, dan perkembangan sebegini telah menyebabkan gerakan tersebut terbantut begitu sahaja.

Berbincang tentang kewujudan gerakan perpaduan orang Cina yang telah berlangsung selama 3 bulan sahaja, Michael Yeoh Oon Kheng (1982: 266) berpendapat bahawa MCA sebenarnya berusaha keras mengambil alih gerakan tersebut. Ting Chew Peh (1976: 216) dan Mauzy (1983: 43) berpendapat bahawa gerakan itu sebenarnya disabotaj oleh "*old guards*" dalam MCA. Ini berpunca daripada gerakan ini pada mulanya dicetuskan oleh MCA yang bertujuan untuk menguatkan partinya, namun disebabkan perkembangan pada akhir-akhir itu

terpesong daripada hasrat politik MCA, maka semestinya gerakan itu akan diambil alih. MCA telah mencapai kejayaan yang mutlak dalam persaingan kuasa kepimpinan orang Cina dalam gerakan perpaduan orang Cina tersebut.

PENYUSUPAN, PARTI POLITIK DAN KELAHIRAN KUASA MASYARAKAT SIVIL SERTA PENENTANGANNYA

Peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 merupakan satu tanda perubahan penting dalam politik Malaysia. Ekologi politik negara kita telah mengalami perubahan strukturnya selepas tragedi tersebut. Mulai dekad 1970-an, komuniti Cina terpaksa berdepan dengan masalah kemerosotan hak kepentingan mereka, dengan ketidakpuasan komuniti Cina semakin hari semakin meningkat. Menjelang dekad 1980-an, ketidakpuasan itu telah berkembang untuk menuntut kesamarataan hak dan kepentingan yang digelar sebagai Gerakan Hak Sivil (*Civil Right Movement*). Ketidakterkesan parti-parti politik Cina dalam kerajaan kerana sekatan dan kuasa hegemoni politik UMNO telah menyebabkan pemimpin *Huatuan* membuat pilihan agar melibatkan diri secara langsung dalam bidang politik. Maka, kerja atau usaha mencari jalan untuk mengatasi dilema politik komuniti Cina telah beralih daripada parti politik kepada *Huatuan*. Kepahitan yang dihadapi oleh komuniti Cina massa ketika memikirkan cara untuk mengatasi dilema yang dihadapi itu dapat digambarkan dalam petikan di bawah ini:

Komuniti Cina yang berharap parti orang Cina dalam kerajaan memperjuangkan hak dan kepentingan orang Cina itu telah mengalihkan harapan mereka kepada usaha memikirkan strategi menggerakkan tenaga komuniti Cina itu sendiri. Ini dapat disaksikan melalui transformasi kuasa politik orang Cina daripada parti politik kepada *Huatuan* (termasuk masyarakat Cina yang melaungkan gerakan hak sivil dan demokrasi). Ini juga dipandang sebagai suatu transformasi daripada perjuangan parti politik kepada perjuangan masyarakat massa atau akar umbi yang menyeluruh. Pemulangan kuasa politik kepada peringkat akar umbi ini berupaya menggerakkan masyarakat massa melibatkan diri secara langsung dan lebih menyeluruh dalam pembentukan dasar kerajaan. (Yap 1995: 38-39)

Gerakan Hak Sivil oleh komuniti Cina ini merupakan satu gerakan tuntutan yang melibatkan orang Cina di seluruh negara. Gerakan ini perlu dipimpin oleh sebuah pertubuhan Cina yang bertaraf kebangsaan, tetapi komuniti Cina masih tidak berjaya mendaftarkan sebuah badan induk *Huatuan* sehingga dekad 1980-an. Dari segi lain, komuniti Cina amat perlu menubuhkan sebuah pertubuhan induk yang dapat menjalin semua *Huatuan* di seluruh negara serta memimpin masyarakat Cina menghadapi pelbagai cabaran dan dilema. Maka, terhasilnya sebuah pertubuhan induk *Huatuan* yang digelar Pertubuhan Induk 15 *Huatuan* (15 *Huatuan*) pada dekad 1980-an.⁹

Kelahiran 15 *Huatuan* ini berkait rapat dengan anjuran Kongres Kebudayaan Orang Cina SeMalaysia pada tahun 1983. Kongres tersebut bukan sahaja melambangkan permulaan gerakan menyelamatkan dan meningkatkan kesedaran

kebudayaan orang Cina, ia juga menawarkan ruang kepada pemimpin-pemimpin Dewan Perhimpunan Cina (DPC) dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina negeri serta Dong Jiao Zong yang berjumlah 15 buah *Huatuan* itu bekerjasama dan mengadakan mesyuarat bersama, untuk mencari kesamaan pendirian bagi menetapkan strategi ketika menghadapi isu-isu yang penting. Jelasnya para pemimpin *Huatuan* telah mengambil peluang keemasan kongres kebudayaan itu untuk melahirkan badan induk 15 *Huatuan* serta menggerakkannya untuk memainkan peranan yang amat bermakna selepas itu.

Kelahiran 15 *Huatuan* itu menggambarkan bahawa masyarakat Cina berjaya menggembeng tenaga mereka sebagai respons kepada pelaksanaan dasar yang bersifat diskriminasi dan perkauman daripada kerajaan serta memimpin masyarakat Cina melancarkan gerakan menyelamat dan meningkatkan kesedaran tentang kebudayaan Cina. 15 *Huatuan* telah berjaya menganjurkan pesta kebudayaan orang Cina setiap tahun, menubuhkan sebuah 'think tank' yang bernama Pusat Penyelidikan dan Sumber Masyarakat Cina (*Huazi Resource & Research Centre*) dan Jawatankuasa Hak Sivil (*Civil Right Committee*). 15 *Huatuan* juga berjaya menghasilkan sebuah dokumen penting yang digelar 'Perisytiharan Bersama Pertubuhan-Pertubuhan Cina Malaysia 1985' serta menganjurkan pelbagai usaha dan kerja untuk menjayakan rancangannya. Usaha-usaha tersebut merangkumi gerakan menuntut hak dan kepentingan komuniti Cina dalam bidang politik dan kebudayaan sepanjang dekad 80-an.

Dilema yang dihadapi oleh orang Cina pada dekad 80-an itu telah mencetuskan gerakan menuntut hak yang sama rata oleh *Huatuan*. Pemimpin *Huatuan* menyedari bahawa saluran politik adalah satu-satunya jalan untuk mencapai matlamat tuntutan hak dan kepentingan orang Cina. Untuk merealisasikan matlamat tersebut, *Huatuan* pernah mencuba pelbagai strategi untuk melibatkan diri mereka dalam bidang politik, termasuk strategi 'Gagasan Gabungan Tiga' pada tahun 1982, 'Gagasan Sistem Dua Barisan' pada tahun 1990, dan 'Kumpulan Melobi *Huatuan*' pada tahun 1999. Kesemua ini membayangkan *Huatuan* masih lagi dan tetap menuntut hak kesamarataan bagi komuniti Cina, walaupun dengan langkah yang agak perlahan.

Peristiwa pelantikan penolong kanan yang tidak fasih, bahasa Mandarin telah mencetuskan penahanan beramai-ramai pada tahun 1987,¹⁰ pemimpin *Huatuan* yang dikenakan perintah tahanan di bawah Akta Keselamatan Negeri ialah Lim Fong Seng, Sim Mow Yu, Kua Kia Soong dan Tuang Pik King. Penahanan tersebut telah menyebabkan sekumpulan pemimpin *Huatuan* menyertai parti pembangkang pada tahun 1990 untuk dapat menjayakan hasrat Sistem Dua Barisan. Sim Mow Yu menggambarkan gerakan tersebut sebagai 'pemberontakan atau revolusi hak sivil golongan massa'. Beliau juga menyatakan bahawa pemimpin *Huatuan* menyertai parti pembangkang disebabkan mereka dipaksa hingga tiada jalan lain lagi, maka terpaksa memberontak kerana selepas berpuluh-puluh tahun berjuang, kerajaan tetap tidak menerima cadangan mereka (DPC Selangor 1990: 288). Keputusan penyertaan tersebut menyebabkan parti

pembangking, khususnya DAP, memperoleh banyak kerusi dalam pilihan raya umum 1990 dan pada masa yang sama telah membawa tekanan kepada parti pemerintah. Oleh itu, penglibatan *Huatuan* dalam bidang politik dapat mempengaruhi hala pengundian orang Cina. Ini telah menyebabkan kerajaan Barisan Nasional melaksanakan usaha menyusup masuk dan menguasai *Huatuan* melalui parti berteraskan Cinanya selepas itu.

Menjelang dekad 90-an, kerajaan yang diterajui oleh UMNO telah menumpukan dasar pemerintahannya kepada pembangunan ekonomi. Kerajaan cuba menggunakan pembangunan ekonomi untuk mengurangkan persaingan dan perbalahan antara kaum. Ini kerana apabila sumbar pemilikan atau 'kek' ekonomi berjaya dikembangkan, maka kumpulan kepentingan pelbagai kaum akan dapat memperoleh bahagian sumber ekonomi mereka masing-masing. Ketika masa depan ekonomi negara menjadi lebih merangsang, komuniti Cina secara umumnya berasa lebih lega dan tidak lagi berwaswas atas ancaman yang mungkin timbul. Berhadapan dengan situasi baru itu, pemimpin *Huatuan* turut menunjukkan pendirian yang berbeza dengan masa dahulu. Mereka terjerat dalam situasi pemikiran penyahpolitikan (*depoliticization*) iaitu cuba mengelakkan pembabitan *Huatuan* dalam bidang politik (Teoh 1994: 98). Begitu juga bagi komuniti Cina yang mementingkan perniagaan, pendirian pemimpin *Huatuan* (golongan peniaga dan usahawan yang berjaya) yang menyokong pelaksanaan dasar kerajaan itu turut diterima oleh majoriti masyarakat Cina massa pada era itu.

Parti pemerintah telah mengambil kesempatan itu untuk menjalankan kerja menyusup atau mensabotaj *Huatuan* agar dapat menakluki, menguasai dan menjinakkan pemimpin-pemimpin *Huatuan*. Kerja penyusupan ini dijalankan oleh MCA memandangkan kebanyakan pemimpin *Huatuan* berlatarbelakangkan MCA.¹¹ Dari segi lain, keesaan politik MCA telah dicabar dan ditekan oleh pencapaian keputusan pilihan raya umum tahun 1990, maka MCA mesti mencari strategi yang berkesan untuk mengatasi kuasa *Huatuan* yang berkeupayaan memperoleh sokongan komuniti Cina massa.

Antaranya, DPC Selangor merupakan *Huatuan* yang pertama dikuasai oleh parti politik. Apabila Lim Geok Chan yang memihak kepada MCA dilantik sebagai presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor, beliau menjalankan pelbagai strategi agar dapat menguasai DPC Selangor lagi. Pada 7 Julai 1990, beliau mengalahkan Lau Sik Thong dan berjaya menjadi presiden DPC Selangor. Barisan kepimpinan Lim Geok Chan telah mengambil tindakan terhadap Jawatankuasa Hak Sivil DPC Selangor.¹² Salah seorang pemimpin barisan Lim Geok Chan, Liew Poon Siak pernah membuat kenyataan di akhbar bahawa barisan kepimpinan baru Lim itu telah berjaya melumpuhkan rancangan gagasan Dua Barisan dan peranan DPC Selangor sebagai kumpulan pendesak (Sheu 1992: 240). Ini membuktikan bahawa kumpulan pemimpin DPC Selangor baru yang memihak kepada parti politik ini mempunyai motif politik tersendiri selepas menguasai *Huatuan*.

Tindakan mereka ini berpunca daripada Jawatankuasa Hak Sivil DPC Selangor yang telah menggunakan strategi tuntutan berlandaskan demokrasi dan hak asasi untuk memperjuangkan hak kepentingan orang Cina serta memainkan peranan sebagai kumpulan pendesak yang aktif. Jawatankuasa ini juga dipertanggungjawabkan oleh Jawatankuasa Hak Sivil peringkat kebangsaan untuk mendrafkan Perisytiharan Huatuan Sempena Pilihan raya Umum 1990. Oleh itu, Jawatankuasa tersebut tidak disenangi oleh golongan pemimpin *Huatuan* yang memihak kepada parti politik pemerintah.

Seterusnya, pada pemilihan jawatan presiden Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia pada 12 Disember 1991, kumpulan Lim Geok Chan telah memperoleh kemenangan. Selepas beberapa hari memegang jawatan presiden, Lim Geok Chan menyatakan bahawa *Huatuan* harus mengamalkan cara berkompromi atau bermuafakat ketika mengendalikan masalah orang Cina, beliau menentang cara mendesak, umpamanya beliau pernah mengkritik strategi perjuangan *Huatuan* yang sebelumnya dengan kata-kata seperti 'jika amalan mendesak dapat mengatasi masalah, ketua Parti Komunis Malaya telah lama menjadi perdana menteri' (Shue 1992: 78).

Keputusan pemilihan jawatan kepimpinan DPC Selangor dan Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia itu telah menunjukkan bahawa *Huatuan* di Malaysia telah masuk ke peringkat perpecahan dan perbalahan antara pemimpinnya. Perpaduan yang ditunjukkan oleh *Huatuan* sebelum itu tidak muncul lagi, di sebaliknya terbahagi kepada kumpulan yang 'menentang' dengan kumpulan yang 'berkompromi'. Pemimpin *Huatuan* semakin tidak berupaya menampilkan semangat menentang mekanisme penguasaan kerajaan seperti yang ada pada dekad 70-an dan 80-an itu; di sebaliknya mereka lebih mengakui dan tunduk kepada kuasa pemerintah. Golongan pemimpin *Huatuan* yang berlatarbelakangkan parti politik itu tidak mendukung prinsip asas *Huatuan* yang menyatakan '*Huatuan* tidak menjangkau politik, tetapi menjangkau parti politik' dan ketika menguruskan perkara *Huatuan*, mereka selalunya lebih mengutamakan kepentingan parti berbanding dengan kepentingan *Huatuan*. Kesemua ini menunjukkan bahawa pendirian dan cara tuntutan *Huatuan* untuk kepentingan masyarakat Cina telah mengalami perubahan yang menonjol.

Perubahan *Huatuan* ini menunjukkan bahawa kuasa pemerintah khususnya MCA telah berjaya menggunakan ideologi korporatisme (*corporatism*) negara untuk mengintegrasikan atau menguasai pertubuhan masyarakat Cina.¹³ Phonn Wing Keong (2005: 221) mempunyai penjelasan yang tersendiri berkenaan matlamat korporatisme yang diamalkan untuk mengintegrasikan kuasa masyarakat Cina massa itu. Katanya:

Terdapat dua matlamat yang ingin dicapai oleh kuasa politik untuk mengkorporatkan dan menguasai kuasa masyarakat Cina massa pada masa itu, iaitu menanggalkan kuasa paksi kepimpinan politik masyarakat Cina massa. Kedua, menceraikan masyarakat sivil yang sedang bercambah benih itu dari atas ke bawah. Penceraian 15 Huatuan dan peminggiran Dong Jiao Zong

menyebabkan ketandusan golongan pemimpin di masyarakat Cina, dan kemunculan keadaan penyahpolitikan dalam isu-isu masyarakat Cina, serta kewujudan fenomena penentangan gerakan sosial. Ini amat berbeza dengan situasi Huatuan yang memiliki kuasa yang bebas dan berdaulat pada dekad sebelumnya. Umpamanya, mekanisme-mekanisme gerakan hak sivil Huatuan telah ditanggalkan, di sebaliknya kepimpinan Huatuan bertunduk kepada kuasa politik serta membantu pihak pemerintah menyebarkan nilai-nilai konservatifnya (Phoon 2005: 221).

Apabila hala tuju kerajaan ke arah kewujudan sebuah negara yang lebih terbuka dan dengan budaya yang lebih liberal, pemimpin *Huatuan* turut mendukung strategi perjuangan yang berbentuk perundingan dan kompromi itu. Strategi kepimpinan yang berbentuk sedemikian telah membawa pengaruh yang besar kepada perkembangan *Huatuan* terutama sekali amalan baru ini digunakan oleh kebanyakan *Huatuan* yang ditubuhkan selepas tahun 2000. Kecenderungan ini dapat disaksikan melalui corak kepimpinan dalam pertubuhan-pertubuhan yang ditubuhkan pada jangka masa ini, ini termasuk pertubuhan Tujuh Federasi Persatuan-Persatuan Suku Cina (Tujuh Suku), Persatuan Belia Xiang Lian Malaysia, Lapan Pertubuhan Pemuda Cina, Federasi Persatuan-Persatuan Syarikat Cina Malaysia dan Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur.¹⁴

Hampir semua pemimpin dalam *Huatuan* ini berlatar belakang ahli MCA. Misalnya pemimpin-pemimpin Persatuan Belia Xiang Lian Malaysia seperti Ang Lai Hee, Ang Say Tee dan Lum Kim Soong mempunyai hubungan erat dengan MCA. Penyelaras utama Lapan Pertubuhan Pemuda Cina seperti Quek Ngee Meng dan Hoo See Kheng turut merupakan ahli aktif MCA. Pemimpin-pemimpin Persatuan Komuniti Guang Zhao, Kuala Lumpur dan Selangor yang mendapat kelulusan pendaftaran pada 9 Mei 2006 itu, *Xiao Jia Fa* dan Pang Wei Ming turut mempunyai hubungan erat dengan parti MCA (Penubuhan persatuan tersebut jelasnya bermotif untuk memecah belah/*hijacking* Persatuan Kwang Siew Selangor dan Kuala Lumpur yang mempunyai sejarah selama 121 tahun).

Seterusnya, jika kita meneliti senarai nama ahli jawatankuasa ke 29 bagi Federasi Persatuan-Persatuan Syarikat Cina Malaysia, kita akan tertanya-tanya sama ada persatuan itu masih sebuah *Huatuan* atau lebih sesuai dikenali sebagai MCA yang kedua. Ini kerana Penasihat kehormatannya ialah Presiden dan Timbalan Presiden MCA, iaitu Ong Kar Ting dan Chan Kong Chor. Pengerusi Kehormatannya ialah pemimpin pusat MCA Tee Hock Seng yang pernah memegang jawatan bendahari MCA. Manakala penasihat hal ehwal persatuan itu terdiri daripada pemimpin pusat MCA dari kawasan Kuala Lumpur seperti Tan Chai Ho, Sua Chong Khiang, Yew Teong Look, Lee Chong Meng, Hang Chin Pheng dan lain (*Oriental News* 19.7.2005).

Selain itu, Pertubuhan-pertubuhan Cina yang mempunyai hubungan erat dengan MCA selalunya menganjurkan aktiviti mereka bersama-sama dengan parti tersebut atau melibatkan pemimpin parti pemerintah. Misalnya, pada 17 Oktober 2005, semasa Lapan Pertubuhan Pemuda Cina menganjurkan rombongan

mengunjungi Persatuan Perniagaan Cina Singapura, Ketua Pemuda MCA Liow Tiong Lai telah dipilih sebagai ketua rombongan (*Sin Chew Jit Poh* 18.10.2005). Pada 29 Ogos 2001, Liew Poon Siak telah mengetuai Persatuan Syarikat Cina Selangor dan Kuala Lumpur serta kumpulan pemimpin *Huatuan* yang berkompromi itu pergi Putrajaya untuk mengadakan upacara menawarkan atau menjamu teh kepada Perdana Menteri Mahathir Mohamad. Pakaian yang dipakai oleh kanak-kanak yang menjamu teh itu amat tidak sesuai kerana berbentuk pakaian Manchu di samping menyimpan kucir juga. Tindakan mereka ini dikritik oleh masyarakat Cina.

Fenomena penyusupan atau penembusan oleh parti politik ini turut berlaku dalam *Huatuan* lain. Umpamanya, pada tahun 2005 dalam pemilihan jawatan pengerusi Wanita Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia, Setiausaha Organisasi Wanita Pusat MCA Ooi Siew Kim telah dipilih untuk memegang jawatan tersebut. Pemimpin MCA Perak, Chong Wah turut dipilih sebagai Presiden Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina negeri Perak pada tahun yang sama. Pada tahun 2006, barisan pemimpin DPC Melaka dituduh telah menyeleweng atau terpesong daripada pegangan prinsip asas iaitu “*Huatuan* tidak menjangkau politik, tetapi mesti menjangkau parti politik” oleh 9 buah *Huatuan* di Melaka. Kritikan ini berpunca daripada tindakan presiden DPC Melaka Chan Swee Yen yang menulis surat kepada pemimpin Jawatankuasa Perhubungan MCA negeri Melaka, Seah Kwi Tong bahawa beliau akan mengambil tindakan disiplin terhadap pemuda DPC Melaka. Tindakan beliau dianggap bertentangan dengan hasrat masyarakat Cina serta memandang rendah status *Huatuan* sendiri (*Sin Chew Jit Pau* 27.5.2006). Pada 14 Julai 2007, DPC Melaka melantik pemimpin MCA Gan Boon Leong sebagai penasihatnya, dari segi lain Setiausaha Pelaksanaan Jawatankuasa Perhubungan MCA negeri Melaka, Boon Ah Soo turut dipilih memegang jawatan setiausaha DPC Melaka.

Fenomena-fenomena ini menunjukkan *Huatuan* sedang menghadapi dilema “dipolitikkan” atau diterap oleh parti politik. Keadaan ini akan menyebabkan kepentingannya dan parti politik sukar diasingkan dan biasanya situasi sebegini akan menyebabkannya itu menjadi kabur. Lantaran tindakan *Huatuan-Huatuan* tersebut, suatu keadaan yang tidak sihat terwujud, maka kumpulan pemuda DPC negeri Selangor, Melaka, Johor dan Negeri Sembilan telah menyarankan pandangan agar pemimpin *Huatuan* tidak mencampuradukkan perkara *Huatuan* dengan parti politik untuk mengelakkan pendirian yang bercanggah (*Oreintal News* 17.10.2005). Pempolitan *Huatuan* telah menyebabkan parti politik menggunakan pelbagai cara dan mekanisme untuk meminggirkan *Huatuan* yang tidak menurut perintahnya. Lantaran tindakan peminggiran *Huatuan* yang semakin menjadi-jadi itu, maka pada 3 Ogos 2006, lima buah pertubuhan pendidikan Cina telah mengeluarkan kenyataan bersama untuk mengutuk tindakan MCA yang sengaja meminggirkan mereka (*Oriental News* 4.8.2006).¹⁵

Selepas melalui tindakan penyusupan, penembusan dan penguasaan oleh parti MCA pada dekad 90-an, kini *Huatuan* pula menghadapi masalah dipinggirkan.

Maka, adakah *Huatuan* tidak dapat berperanan sebagai kumpulan pendesak lagi? Jawabannya: tidak. Walaupun DPC Selangor telah ditembusi dan dikuasai pada dekad awal 90-an dan ini menyebabkan peranannya sebagai peneraju gerakan hak sivil itu tersenyap buat seketika, namun, keupayaannya sebagai peneraju masyarakat sivil hanya menunggu masa yang sesuai untuk menyerlah semula. Pada masa yang sama, walaupun menghadapi situasi yang penuh rintangan, Dong Jiao Zong yang berperanan sebagai tenaga penolak masyarakat sivil tetap menggunakan ketabahan yang dimiliki lebih 50 tahun itu untuk membela kedaulatan pendidikan Cina, di samping menentang parti politik yang cuba mempolitikkan *Huatuan*. Sememangnya, Dong Jiao Zong bukan sahaja merupakan penolak kepada gerakan pendidikan Cina, malah telah menjadi penyokong utama kepada tenaga penggerak masyarakat sivil. Antaranya, Dong Jiao Zong telah berperanan sebagai peneroka atau pemimpin bagi gerakan hak sivil dan demokrasi pada dekad 80-an dan kemudiannya untuk gerakan *Suqiu* pada tahun 1999 juga.¹⁶ Lantaran itu, dari sudut pandangan pihak pemerintah, Dong Jiao Zong ialah kuasa pertubuhan masyarakat sivil yang degil dan perlu ditangani atau dipinggirkan.¹⁷

Kini MCA tidak perlu bercampur tangan secara langsung dalam perkara kepimpinan *Huatuan* lagi, apa yang MCA lakukan adalah melalui pemimpin *Huatuan* yang menyokongnya itu bersaing dengan *Huatuan-Huatuan* lain untuk mendapat kuasa perwakilan atau kepimpinan komuniti Cina. Sebenarnya, campur tangan parti politik dalam *Huatuan* telah mencetuskan banyak masalah dan menyebabkan perpecahan antara *Huatuan*. Selain pertelingkahan antara pemimpin-pemimpinnya, *Huatuan* yang telah dikuasai oleh parti politik mula mengambil tindakan untuk menyemak atau meneliti semula dokumen *Suqiu* dan Perisytiharan *Huatuan*. Misalnya, ketika Ng Teck Fong memegang jawatan presiden kedua Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia, beliau mempertikaikan kesesuaian pengemukaan “Perisytiharan Bersama *Huatuan* 1985” dan mengatakan bahawa penyemak atau penelitian semula perisytiharan tersebut adalah perlu dilaksanakan. Lantaran itu, Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia telah meminta DPS Selangor yang juga dipimpin oleh Ng Teck Fong itu untuk merangka ‘Program Umum Kerja Kebudayaan *Huatuan* Seluruh Negara’ untuk menggantikan perisytiharan *Huatuan* tersebut.

Pada 20 November 1995, DPC Selangor telah mengemukakan buku cadangan tersebut kepada Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia dan satu jawatankuasa khas ditubuhkan untuk meneliti pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh pelbagai pihak itu. Pada Perhimpunan Kebudayaan *Huatuan* Seluruh Negara yang kedua, Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia telah menerima dokumen itu sebagai dokumen asas penggubalan “Program Umum Kerja Kebudayaan *Huatuan* Seluruh Negara” serta menjemput 27 buah *Huatuan* yang pernah menandatangani Perisytiharan Bersama *Huatuan* Seluruh Negara menyertai jawatankuasa kerja khas penggubalan. Pada 20 April 1997, Dong Jiao Zong telah menarik diri dari jawatankuasa kerja khas itu atas alasan kekurangan semangat permuafakatan

antara *Huatuan-Huatuan* serta pandangan yang dikemukakan oleh Dong Jiao Zong tidak diberi pertimbangan yang sesuai. Perbalahan itu bukan sahaja menunjukkan percanggahan pendirian antara yang mendukung aliran berkompromi dengan yang aliran yang mendesak, malah juga menggambarkan situasi mereka sedang giat mempertarungkan kuasa kepimpinan masyarakat Cina (Ho 1999: 100).

Selepas DPC Selangor dikuasai oleh kuasa kepimpinan yang memihak kepada MCA, Shue Kwong Tau. (1992: 282) berpendapat bahawa barisan pemimpin baru akan menjadikan DPC Selangor sebagai pertubuhan yang boleh dimanipulasikan oleh MCA. Namun, pemimpin dan aktivis gerakan hak sivil dalam DPC Selangor itu tidak berputus asa, mereka menunggu masa dan peluang untuk 'menyahpolitikkan' DPC Selangor agar mengembalikan peranannya sebagai peneraju gerakan hak sivil mereka seperti yang ada pada dekad 80-an. Ini dapat disaksikan ketika Ngan Chin Wen mencabar Ng Teck Fong dalam pemilihan jawatan presiden DPC Selangor pada tahun 1994. Akhirnya, pada tahun 1998 Ngan Chin Wen berjaya merebut jawatan presiden DPC Selangor dengan mengalahkan Liew Poon Siak. Namun, pada tahun 1999, Ngan dikalahkan oleh Chong Zheng Hiong yang memihak kepada kelompok berkompromi ketika merebut jawatan presiden Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia.

Di bawah pimpinan Ngan Chin Wen, DPC Selangor telah memainkan peranan aktif dalam usaha memupuk masyarakat sivil. Pada peringkat awal pembentukan jawatankuasa kerja *Suqiu*, Ngan telah memimpin DPC Selangor untuk menerima kerja jawatankuasa tersebut agar mengumpul tenaga *Huatuan* untuk mendraf dokumen tersebut. Beliau menyokong gerakan mengekalkan SJKC Damansara asal serta telah mendirikan sebuah papan tunjuk di bangunan DPC Selangor untuk memaparkan bilangan hari SJKC Damansara ditutup. Beliau juga menentang tindakan memindahkan Kubur Awam Guangdong Kuala Lumpur serta usaha parti politik menguasai Syarikat Akhbar Nanyang pada tahun 2001. Usaha-usaha tersebut menunjukkan bahawa Jawatankuasa Hak Sivil di bawah DPC Selangor itu telah mengembalikan semula peranan asal yang ada pada dekad 80-an, iaitu berusaha giat untuk menuntut hak kepentingan komuniti Cina dan komuniti lain juga, serta telah berjaya memainkan peranannya sebagai pertubuhan masyarakat sivil.

Pada 24 Ogos 2003, DPC Selangor telah menganjurkan konvensyen yang penting yang bertema 'Melangkaui Sempadan Sejarah: Kajian Terhadap Peranan Pertubuhan Sosial di Negara Kita'. Pada 15 Januari 2004, DPC Selangor telah mengemukakan dokumen yang bertema 'Kata-Kata Cadangan Pembangunan Negara' kepada Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi. Selepas itu, semasa menganjurkan Pesta Kebudayaan Huatuan Malaysia ke 22 pada 2005, DPC Selangor telah menggunakan tema 'Mengembangkan Budaya Majmuk, Menuju Ke arah Masyarakat Sivil' untuk menggambarkan hasrat dan hala tuju perjuangan pertubuhan ini. Pada 30 Oktober 2003, apabila Liew Poon Siak, pemimpin kumpulan telah berkompromi dan berjaya menubuhkan Dewan Perhimpunan Cina (DPC)

Kuala Lumpur untuk memecah belah DPC Selangor itu, DPC Selangor yang dipimpin oleh Ngan Ching Wen telah menentang tindakan Liew sekeras-kerasnya. Untuk mengelakkan usaha pemecah belahan *Huatuan* itu dengan pemimpin DPC Selangor telah melancarkan gerakan untuk membetulkan nama pertubuhannya. Akhirnya, pada 20 Februari 2006, usaha gerakan tersebut itu telah mendapat kebenaran daripada pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Sosial agar dibetulkan namanya sebagai Dewan Perhimpunan Cina Selangor dan Kuala Lumpur (DPC Sel dan KL).

Sebagaimana huraian di atas, Dong Jiao Zong dan DPC Sel dan KL telah memainkan peranan sebagai penentang kepada usaha mempolitikkan *Huatuan* agar hal-hal *Huatuan* itu tidak berbentuk unitari atau diintegrasikan. Dari segi lain, ketika berhadapan dengan mekanisme kerajaan yang berkuasa besar, kedua-dua pertubuhan ini telah menampilkan contoh *Huatuan* yang tidak bertunduk atau takut akan kuasa besar. Ini dapat dibuktikan dengan penglibatan mereka dalam beberapa peristiwa yang membawa pengaruh besar terhadap komuniti Cina. Dalam isu Sekolah Wawasan, Dong Jiao Zong dan DPC Selangor telah memimpin semua *Huatuan* untuk menentang pelaksanaan tersebut. Semangat dan kegigihan tersebut telah menyebabkan kerajaan terpaksa meninggalkan usaha atau dasar mendirikan Sekolah Wawasan dalam komuniti Cina itu.¹⁸

Pada 2002, ketika dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) diumumkan oleh Perdana Menteri Mahathir Mohamad, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) menghadapi cabaran yang paling kental. Pada tahun 2003, dasar pendidikan baru ini telah dilaksanakan di seluruh negara, namun atas pendirian yang tegas daripada Dong Jiao Zong, Kementerian Pendidikan telah berkompromi agar mengamalkan dasar dua bahasa untuk mengajar Sains dan Matematik di SJKC.¹⁹ Seterusnya, SJKC menghadapi dilema tentang kertas soalan kedua-dua subjek itu akan disediakan dalam bahasa Inggeris dalam peperiksaan UPSR bagi semua sekolah.

Secara umumnya komuniti Cina bimbang kedua-dua subjek itu akan disediakan dalam bahasa Inggeris yang turut menyebabkan identiti atau status quo SJKC terjejas, maka pemimpin Dong Jiao Zong menyarankan serta menegaskan bahawa kedua-dua subjek harus disediakan dalam bahasa Cina untuk pelajar SJKC. Dong Jiao Zong menganjurkan satu siri aktiviti untuk menentang pelaksanaan PPSMI tersebut. Umpamanya, pada 10 Disember 2005, Dong Jiao Zong telah menganjurkan perhimpunan raksasa yang melibatkan 3000 wakil pelbagai kaum untuk menyuarakan penentangan masyarakat terhadap pelaksanaan PPSMI (*Oriental News* 11.12.2005). Pada 8 Julai 2007, Dong Jiao Zong bersama pertubuhan kaum lain telah melancarkan 'Gerakan memulihkan penggunaan bahasa ibunda untuk mengajar Sains dan Matematik'. Berlandaskan aktiviti-aktiviti tersebut, kita dapat mengesan bahawa Dong Jiao Zong telah memainkan peranannya sebagai NGO atau pertubuhan masyarakat sivil dengan sepenuhnya.

Dong Jiao Zong dan DPS Selangor memainkan peranan sebagai pertubuhan masyarakat Cina yang progresif dan aktif serta telah menyumbangkan tenaga mereka dalam pembentukan masyarakat sivil, usaha mereka tersebut harus dijadikan teladan kepada *Huatuan-Huatuan* lain. Selain menuntut hak kepentingan masyarakat Cina, mereka juga mengambil berat tentang masalah yang dihadapi etnik lain. Misalnya, perjuangan Dong Jiao Zong adalah berlandaskan pendidikan bahasa ibunda semua kaum, mereka mengambil berat tentang masalah yang dihadapi sekolah Tamil dan sekolah agama rakyat juga. Tindakan yang menjangkaui batasan etnik ini sesuai dijadikan haluan atau landasan perjuangan masa depan *Huatuan*.

Dengan adanya gerakan reformasi pada tahun 1998 yang telah berjaya mewujudkan situasi yang memihak kepada pemupukan masyarakat sivil serta contoh-contoh yang membina telah dipertunjukkan oleh Dong Jiao Zong dan DPC Selangor, maka situasi tersebut telah menarik ramai pemuda kaum Cina untuk menubuhkan pertubuhan yang bercirikan masyarakat sivil. Ini seperti Persatuan Pembelaan Penulis Media Bebas (WAMI), Gerakan Demokrasi Pelajar dan Pemuda Malaysia (DAMA), *Malaysian Voters Union*, *Youth For Change* dan lain-lain. Pertubuhan-pertubuhan ini telah diterajui oleh pemuda kaum Cina yang menjadi tenaga baru dalam pembentukan masyarakat sivil.

PENUTUP

Sejarah *Huatuan* di negara kita ini agak panjang. Pada peringkat awal, *Huatuan* hanya memainkan peranan sebagai badan kebajikan dalam masyarakat orang Cina, kemudian disebabkan ia perlu memperjuangkan hak dan kepentingan orang Cina dalam proses pembentukan bangsa, maka ia telah mengalihkan peranannya kepada kumpulan kepentingan. Pada masa kini, imejnya telah bertukar kepada pertubuhan hak sivil yang menyumbangkan tenaganya dalam proses pendemokrasian. Lantaran itu, *Huatuan* telah memainkan peranan semasanya dalam sejarah Malaysia dengan ia akan menjadi salah satu institusi yang penting bagi komuniti Cina dan negara juga selama-lamanya.

Kemunculan *Huatuan* berkait rapat dengan kehidupan harian komuniti Cina. Disebabkan *Huatuan* berupaya mempengaruhi haluan politik komuniti Cina, maka telah menyebabkannya didamba oleh parti politik. Tindakan penyusupan, penekanan dan induksi daripada parti politik itu sukar dielakkannya dengan parti politik bertindak sedemikian bertujuan untuk kepentingan politik mereka. Pada peringkat awal, hubungan antara *Huatuan* dengan MCA agak erat dan bersandar antara satu sama lain, namun selepas pendirian dan orientasi politik yang berbeza, maka hubungan antara mereka menuju ke bentuk persaingan. Kini, kebanyakan *Huatuan* mempunyai hubungan yang erat dengan MCA dan mereka rela menunduk kepada MCA, mujurnya masih ada segolongan komuniti Cina cuba mengelakkan pembabitan *Huatuan* dengan parti politik dan golongan tersebut sedang bertungkus rumus menentang penguasaan dan penyusupan

daripada parti politik. Persaingan kuasa kepimpinan antara *Huatuan* dan parti politik turut menyebabkan perbalahan dan perpecahan di kalangan mereka; namun fenomena ini merupakan satu senario yang lumrah dalam masyarakat yang sedang membangun.

Tenaga yang dicurahkan *Huatuan* boleh dilihat sebagai suatu kekuatan atau kuasa masyarakat sivil. Kuasa tersebut berharap *Huatuan* masih dapat memainkan peranannya sebagai pertubuhan sosial yang bebas daripada mekanisme kerajaan dan juga bebas daripada penguasaan parti politik. Kekuatan tenaga masyarakat sivil bagi komuniti Cina telah semakin meningkat berikutan daripada pembangunan ekonomi yang pesat yang telah melahirkan lebih ramai golongan menengah. Kewujudan pelbagai pertubuhan pemuda dalam masyarakat Cina turut menyaksikan trend perkembangan tersebut. Pertubuhan-pertubuhan baru masyarakat Cina tersebut lebih mementingkan isu-isu awam dan suka mengaplikasikan pendekatan yang menjangkaui batasan etnik ketika menangani sesuatu isu. Pendekatan ini sesuai dijadikan haluan atau landasan baru bagi perjuangan *Huatuan* pada masa yang akan datang. Dari segi lain, kekuatan masyarakat sivil komuniti Cina juga menjadi halangan kepada usaha MCA untuk menguasai *Huatuan*.

NOTA HUJUNG

- ¹ Kerajaan kolonial Portugis paling awal mengamalkan sistem Kapitan Orang Cina di Melaka. Selepas itu, kerajaan kolonial British turut menggunakan sistem ini untuk mengendalikan masalah-masalah imigran Cina. Untuk mengetahui sistem Kapitan orang Cina ini dengan lanjut, sila rujuk (Wong 1963).
- ² Pelaksanaan rancangan Malayan Union oleh kerajaan kolonial British telah menyebabkan peningkatan semangat kebangsaan orang Melayu dengan drastik dan kelahiran parti UMNO juga. Perubahan politik turut menyebabkan komuniti Cina memikirkan kepentingan dan hak mereka di Tanah Melayu. Ini dapat disaksikan dengan penganjuran 'Hartal/pemogokan perniagaan' yang menentang pelaksanaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1947 oleh All-Malaya Council of Joint Action di bawah kepimpinan Tan Cheng Lock dengan kerjasama *Huatuan-Huatuan* lain.
- ³ Kerajaan kolonial telah mengisytiharkan dharurat di Malaya pada 1948. demi memutuskan bekalan makanan dan perubatan orang Cina di luar bandar kepada gerila komunis di hutan, maka kerajaan kolonial telah melancarkan rancangan pemindahan penghuni luar bandar ke kawasan petempatan baru yang digelar kampung baru. Namun, pelaksanaan dasar ini memerlukan bantuan parti politik untuk mempengaruhi dan menggerakkan masyarakat Cina, lantaran itu kerajaan kolonial bercadang untuk menubuhkan sebuah pertubuhan orang Cina yang menyokong kerajaannya. Sila rujuk Heng (1988: 54-59).
- ⁴ Untuk mengetahui maklumat lanjut tentang usaha pemimpin *Huatuan* meminta MCA memperjuangkan hak dan kepentingan kaum Cina ketika perlembagaan baru digubal, sila rujuk Heng (1988), Ratnam (1965) dan Vasil (1980).
- ⁵ Pemimpin MCA mengatur langkah untuk memecahkan perpaduan empat orang tokoh *Huatuan* tersebut, Akhirnya Chow Yew Fai dan Lim Lian Geok bersetuju tidak

- meneruskan usaha tersebut. Pemimpin MCA telah menggunakan alasan bahawa orang Cina harus bersatu apabila berunding dengan UMNO dalam perkara hak kepentingan orang Cina semasa perlembagaan baru dirangka. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Heng (1988: 240-245).
- 6 Hubungan tegang antara MCA dengan *Huatuan* terjadi sejak pimpinan MCA di bawah Tan Siew Sin lantaran perbezaan pendirian dalam perkara bahasa dan pendidikan Cina. Semasa masyarakat Cina khususnya *Huatuan* bertungkus rumus menuntut penubuhan Universiti Merdeka, Tan Siew Sin pula menganggap usaha tersebut tidak mungkin berjaya. Dari segi lain, ketika *Huatuan* giat menuntut bahasa Cina diiktiraf sebagai salah satu jenis bahasa rasmi, Tan Siew Sin telah memecat Sim Mow Yu, Timbalan Ketua Pemuda MCA dan juga selaku pengerusi Jiao Zong yang menerajui gerakan bahasa rasmi itu dari parti MCA.
 - 7 MCA mengambil 3 langkah untuk mereformasi partinya. Yang pertama menarik masuk lebih banyak ahli baru, khususnya bagi golongan profesional untuk mengubah imej parti 'orang kaya'. Yang kedua, memperbaiki semula hubungannya dengan *Huatuan*, dan yang ketiga, mengadakan perundingan sulit dengan parti DAP agar menarik penyertaan parti pembangkang untuk meninggikan status perwakilannya dalam Perikatan. Sila rujuk Cheah (1984: 178-198).
 - 8 Mereka ialah Alex Lee dan Choong Han Leong. Ahli jawatankuasa yang lain termasuk Sim Mow Yu, Too Chee Cheong, dan Koo Eng Kuang.
 - 9 Hasrat komuniti Cina ingin menubuhkan satu badan induk bagi *Huatuan* di seluruh negara telah menghadapi pelbagai halangan dan kekangan. Pada tahun 1974, Dewan Perhimpunan Cina (DPC) Perak pernah mengadakan perjumpaan semua *Huatuan* dan membentuk jawatankuasa untuk merancang penubuhan 'Persekutuan Dewan Perhimpunan Cina'; namun kerja penubuhan itu tertangguh begitu sahaja (Wu Hua 1984: 112). Pada 24 Ogos 1978, presiden DPC Selangor, Lee Yan Nian menyeru untuk menubuhkan *Persekutuan Huatuan* dan seruan beliau disambut hangat oleh *Huatuan* dari seluruh negara dan menetapkan DPC Selangor sebagai pusat urus setia dan perhubungan. Namun, disebabkan Lee mengeluarkan kenyataan yang menyatakan 'kaum Cina merupakan rakyat berstatus kedua' mendapat kecaman daripada Perdana Menteri Hussain Onn dan ini telah menyebabkan kerja penubuhan persekutuan itu tertangguh (Cheah 1984: 361). Pada 19 September 1982, semua DPC negeri yang menghadiri mesyuarat gabungan di Kuala Lumpur telah membentuk 'Jawatankuasa Penubuhan Gabungan Dewan Perhimpunan Cina Malaysia' secara rasminya serta menerima 'Rang Pembentukan Persekutuan' yang dibentangkan oleh DPC Selangor itu dengan sebulat suara (Liu 1998: 396). Jawatankuasa penubuhan itu telah mengemukakan permohonannya kepada kerajaan untuk pendaftaran pada 20 Februari 1983, permohonan itu diluluskan selepas 9 tahun.
 - 10 Dalam Operasi Lalang itu, seramai 107 orang, termasuk ahli politik, ahli akademik, tokoh agama, aktivis sosial dan pemimpin pendidikan Cina telah ditahan. Untuk maklumat tentang punca dan kesan penahanan sila baca Das & Suaram (1989).
 - 11 Menurut Shue Kwong Tau (1992: 40), keinginan MCA untuk menguasai *Huatuan* telah bermula semasa kepimpinan Tan Koon Swan. Pada masa itu, MCA mengamalkan strategi ingin menguasai DPC Selangor dahulu kerana DPC Selangor dikatakan berperanan sebagai pemimpin *Huatuan* seluruh negara; namun usaha tersebut tidak berjaya. Gua Yan (1980: 176) pula menyatakan pada 10 Mac 1979, pemimpin MCA seperti *Low Fu Yuan*, *Woon Sen Li* dan *Xu Kun Lui* telah melibatkan diri dalam

- pemilihan pucuk kepimpinan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Selangor dan mereka tidak berjaya juga.
- ¹² Untuk mengetahui maklumat sumber sejarah tentang penyusunan semula Jawatankuasa Hak Sivil, sila rujuk Shue (1992: 102-303) “Kematian Jawatankuasa Hak Sivil”.
- ¹³ Williamson (1989) membahagikan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bergerak di bawah pengaruh mekanisme kerajaan itu kepada ideologi pluralisme dan korporatisme. Pluralisme membuat andaian bahawa pembahagian kuasa sesebuah negara adalah berselerakan dan tidak dikuasai oleh sesuatu kumpulan. Dalam sesebuah masyarakat, terdapat banyak komuniti atau kelompok yang bersaing antara satu sama lain kerana nilai dan kepentingan yang berbeza. Kelompok itu dibentuk daripada individu masing-masing. Dengan kata lain, individu itu akan menyertai kelompok tertentu untuk mempengaruhi dasar kerajaan dan memperoleh kepentingannya. Dalam pasaran politik yang kompetitif, kelompok-kelompok itu akan menggunakan sumber yang dimiliki atau peratusan sokongan untuk memperoleh kuasa pengaruhnya (Zhang Jing 1998: 3). Manakala bagi ideologi korporatisme, ahli akademik sains politik melihat hubungan antara organisasi negara dengan masyarakat sebagai sesuatu pengaturan yang telah distrukturkan atau diorganisasikan. Howard Wiarda berpendapat keistimewaan di sini adalah kepentingan masyarakat atau pertubuhan masyarakat telah diintegrasikan ke dalam organisasi kerajaan, melalui asas monopoli atau di bawah petunjuk, pembela dan penguasaan organisasi negara agar mencapai pembangunan negara yang seimbang (Ding 1999: 5). Korporatisme dapat dibahagi kepada jenis korporatisme masyarakat dan negara. Sarjana yang terkenal dengan kajian korporatisme seperti Schmitter (1974), O’Donnel (1977) dan Williamson (1985) berpendapat korporatisme ialah suatu pengaturan paksaan dari atasan ke bawah di negara yang mengalami campur tangan yang tinggi. Dengan ini organisasi negara dapat menyusup ke dalam masyarakat agar pertubuhan masyarakat itu tunduk kepada kuasa hegemoninya (Porter 2002). Organisasi negara melalui tindakan menguasai, menginduksikan dan kooptasi untuk mencapai tujuan mengintegrasikan badan kepentingan atau NGO masyarakat tempatan.
- ¹⁴ Untuk mengetahui maklumat lanjut tentang proses penubuhan pertubuhan-pertubuhan ini dan bagaimana mereka menyebabkan perpecahan dalam *Huatuang*, rujuk Thock Ker Pong (2006: 326-329).
- ¹⁵ 5 buah pertubuhan pendidikan Cina adalah Dong Zong, Jiao Zong, Persekutuan Alumni, Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan, Malaysia, Persekutuan–Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah China Malaysia dan Persatuan Alumni Universiti Nanyang, Malaysia.
- ¹⁶ Untuk mengetahui peranan yang dimainkan oleh Dong Jiao Zong dalam gerakan hak sivil pada dekad 80-an, sila rujuk: Kua Kia Soong (2006), Tan (1992) dan Thock (2005); Sememangnya Dong Jiao Zong telah memainkan peranan utama ketika perkara *Suqiu* dikemukakan. Untuk mengetahui maklumat lanjut, sila rujuk Jawatankuasa *Suqiu* (2002).
- ¹⁷ Selepas peristiwa *Suqiu*, sesetengah pemimpin Dong Jiao Zong secara peribadinya telah menyertai kempen pilihan raya kecil Lunas dan Dong Jiao Zong juga menentang pelaksanaan dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang bermula pada tahun 2002. Peristiwa-peristiwa tersebut telah menyebabkan golongan pemerintah mengenakan tekanan yang lebih kuat kepada *Huatuang*, termasuk memburuk-burukkan nama Dong Jiao Zong. Kerajaan menggunakan RTM 1 dan RTM 2 untuk menyiarkan berita yang bertajuk “Cauvanisme Yang

- Berbahaya” pada 16 dan 17 November 2002 di mana Dong Jiao Zong digambarkan sebagai pertubuhan perkauman yang terlibat dalam isu-isu yang memudaratkan kepentingan negara (*Sin Chew Jit Poh* 19.11.2002).
- ¹⁸ Pada tahun 1995, Menteri Pendidikan Najib Tun Razak mengumumkan kerajaan akan melaksanakan projek Sekolah Wawasan di bawah Rancangan Malaysia ke 7 (1996-2000). Sebanyak 5 buah SJKC dipilih untuk menyertai projek Sekolah Wawasan itu (*The China Press* 28.7.2000). Namun, di bawah usaha pemimpin Dong Jiao Zong, lembaga pengurus kelima-lima buah sekolah itu bersetuju menolak tawaran kerajaan tersebut. Lantaran itu, Kementerian Pendidikan hanya berjaya mendirikan 7 buah Sekolah Wawasan yang melibatkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Tamil sahaja di bawah rancangan Malaysia itu. Walau bagaimanapun, pada 5 Jun 2002, kerajaan berjaya menubuhkan sebuah sekolah wawasan baru yang dinamakan sebagai Sekolah Wawasan (Cina) Tan Chin Lock di Subang.
- ¹⁹ Di bawah program 2-4-3, SJKC dibenarkan menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Cina untuk mengajar Sains dan Matematik. Pada peringkat rendah, SJKC akan mengajar 2 waktu bahasa Inggeris, 4 waktu Matematik dalam bahasa Inggeris dan 3 waktu Sains dalam bahasa Inggeris. Pada peringkat kedua (tahun 4, 5 dan 6), program 4-2-2 dilaksanakan, iaitu 4 waktu bahasa Inggeris, 2 waktu Matematik dan 2 waktu Sains akan diajar dengan bahasa Inggeris.

RUJUKAN

- Cheah See Kian. 1984. 马来西亚华人政治思潮演变 (Perubahan Aliran Pemikiran Politik Orang Cina di Malaysia). Pulau Pinang: Penerbit S K Cheah.
- China Press*, 28.7.2000.
- Chui Kuei Chiang. 1990. 新马华人政治认同的转变, 1945-1959. (Perubahan Identiti Nasional Orang Cina di Malaysia dan Singapura, 1945-1959). Singapura: South Seas Society.
- Das, K & Suaram (eds.). 1989. *The White Paper on the October Affair and the Why? Papers*. Petaling Jaya: Suaram Komunikasi.
- Ding Renfang. 1999. 威权统合主义: 理论、发展与转型 (Kuasa Ideologi korporatisme Teori-Perkembangan dan Transformasi). Taipei: Penerbit Shiyang.
- Douglas, Stephen A. dan Pedersen, Paul 1973. *Blood, Believer and Brother: the Development of Voluntary Associations in Malaysia*, Ohio: Ohio University Center for International Studies.
- DPC Selangor. 1990. 论华团人士参政 (Perbincangan Tentang Penglibatan Ahli Huatuan dalam Politik). Kuala Lumpur. DPC Selangor.
- Gua Yan. 1980. 马华与华人社会 (MCA dan Masyarakat Cina). Kuala Lumpur Reader Service Co.
- Heng Pek Koon. 1988. *Chinese Politics in Malaysia: a Study of the Malaysian Chinese Association*. Singapore: Oxford University Press.
- Ho Khai Leong. 1992. *The Malaysian Chinese Guilds and Associations as Organized Interests in Malaysian Politics*. Singapore: National University of Singapore.
- _____. 1998. 立后西马华人政治演变 Perkembangan Politik Orang Cina Semenanjung Malaysia Selepas Merdeka. DLM Ho Khai Leong (ets.). 马来西亚华人史新编 (*Penulisan Baru Tentang Sejarah Orang Cina di Malaysia*): 69-125. Kuala Lumpur: Dewan Perhimpunan Cina Malaysia. Jilid ke 2.

- _____. 1999. 文化马华：继承与批判 (*Budaya Orang Cina Malaysia: Perwarisan dan Pengkritikan*). Kuala Lumpur: Penerbit Shifang.
- Jawatakuasa Suqiu. 2002. 马来西亚华人社团大选诉求资料汇编, 1999-2002 (Koleksi Suqiu Pertubuhan Cina, 1999-2002). Kajang: Jawatankuasa Suqiu.
- Kua Kia Soong. 2005. *The Malaysian Civil Rights Movement*. Petaling Jaya: SIRD.
- Liu Conghan. 1998. 马来西亚华人史新编 (Penulisan Baru Tentang Sejarah Orang Cina di Malaysia: 347-378). Kuala Lumpur: Dewan Perhimpunan Cina Malaysia. Jilid ke 3.
- Loh Kok Wah, Francis. 1982. *The Politics of Chinese Unity in Malaysia*. Singapore: Maruzen Asia.
- _____. 2002. Developmentalism and the Limits of Democratic Discourse in Francis Loh Kok Wah & Khoo Boo Teik (eds.). *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices*: 19-50. Surrey: Curzon Press.
- Mauzy, Diane. K. 1983. *Barisan Nasional: Coalition Government in Malaysia*. Kuala Lumpur: Marican & Sons.
- Morais, J.V. (ed.). *Blue Print for Unity*. Kuala Lumpur: Eastern University Press.
- Nanyang Siang Pau* 19.7.1997. Deklarasi Kebudayaan Golongan Intelektual Komuniti Cina, Malaysia. DLM *Ruang Renwen* 人文 (Kemanusiaan).
- O'Donnel,Guillermo A. 1977. Corporatism and the Question of State. DLM James M. Malloy (ed.). *Authoritarianism and Corporatism in Latin America*: 513-524. London: University of Pittsburgh Press.
- Oriental Daily*, 12.1.2004; 19.7.2005; 17.10.2005; 11.12.2005; 4.8.2006, 12.1.2004; 19.7.2005; 17.10.2005; 11.12.2005; 4.8.2006.
- Phoon Wing Keong. 2001. 私性、统合与越位：论华团政治文化与公共参与 (Sifat Mementingkan Diri, Integrasi dan Melempi Garisan: Perbincangan Tentang Budaya Politik Huatuan dan Penglibatan Awam). DLM *Rosa Sinesis*: 5-12.
- _____. 2005. 抗议与顺从：马哈迪时代的华人政治 (Menentang dan Mentaati: Politik Cina Pada Era Mahathir). DLM Hou Kok Chung (ed). 百年回眸：马华社会与政治 (Ulasan Seratus Tahun: Masyarakat Cina dan Politik): 203-232. Kuala Lumpur: Huazi Resource and Research Center.
- Porter, Donald J. 2002. *Managing Politics and Islam in Indonesia*. London: Routledge Curzon.
- Purcell, Victor. 1967. *The Chinese in Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ratnam, K.J. 1965. *Communalism and Political Process in Malaya*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Schmitter, Philippe. 1974. Still the Century of Corporatism? *Review of Politics*, 36: 85-131.
- Ser Choon Ing. 1993. 华团宣言的再肯定与再实践 (Penekanan Semula dan Pelaksanaan Peristiharan Huatuan). DLM. *Rosa Sinesis*: 54-60.
- Shue Kwong Tau. 1992. 豺狼当道 (Serigala Mengganas). Kuala Lumpur: Multi Consults.
- Sin Chew Jit Poh*, 星洲日报 19.11.2002; 18.10.2005; 27.5.2006; 19.11.2002; 18.10.2005; 27.5.2006.
- Skinner, William 1958. *Leadership and Power in the Chinese Community of Thailand*, Ithaca: Cornell University Press.
- Tan Liok Ee 1992. Dongjiaozong and the challenge to cultural hegemony: 1951-1987. DLM Joel S. Kahn and Francis Loh Kok Wah (eds.). *Fragmented Vision: Culture and Politics in Contemporary Malaysia*: 181-201. Sydney: Allen & Unwin

- _____. 1995. Chinese leadership in Peninsular Malaysia: some preliminary observations on continuity and change DLM Leo Suryadinata (ed.). *Southeast Asian Chinese: The Socio-cultural Dimension*: 109-136. Singapore: Times Academic Press.
- Thock Ker Pong. 2006. 权益组织之路: 马来西亚华人社团的质变与分化 (Laluan Pertubuhan Kepentingan: Perpecahan dan Perubahan Kualiti Pertubuhan Cina Malaysia). DLM Ho Khai Leong (eds). 马来西亚、新加坡社会变迁四十年: 1965-2005 (Perubahan Masyarakat Malaysia dan Singapura Selama 40 tahun, 1965-2005): 305-335. Johor Baharu: Penerbit Kolej Selatan.
- _____. 2007. 国家统合主义、巫统政治支配权与大马华团的政治参与: 从抗衡到归顺之路 (Koproratisme, Kuasa Ketuanan Umno dan Penyertaan Politik Huautan Malaysia: Dari Landasan Menentang hingga ke Jalan Berkompromi). DLM Thock Kia Wah & Phoon Wing Keong (eds.). 马来西亚国家与社会的再造 (Pembinaan Semula Masyarakat dan Negara Malaysia): 225-253. Kajang: Kolej New Era, Kolej Selatan.
- _____. 2005. *Ketuanan Politik Melayu: Pandangan Kaum Cina*. Kuala Lumpur: University Malay Press.
- Thock Kia Wah. 1994. 解构政治话: 大马两线政治的评析 (1985-1992). (Deconstruction of Political Myth: The Study of Two Coalition Politic in Malaysia, 1985-1992). Kuala Lumpur: Huazi Resource and Research Center.
- Teoh Kian Hoon (Zhang Jingyun). 1994. 华团与政治: 解去政治化的前景: 98-104 (Huautan dan Politik: Prospek depoliticise). DLM. Ho Khai Leong (ed.). 当代大马华人政治省思. (Comtemporary Malaysian Chinese Politics: Some Reflections). Kuala Lumpur: Huazi Resource & Research Centre.
- Ting Chew Peh. 1976. The Chinese in Peninsular Malaysia: a Study of Race Relationa in a Plural Society. Ph.D Dissertation. Coventry: University of Warwick.
- Utusan Malaysia*, 31.8.2000.
- Vasil, Raj K. 1980. *Ethnic Politics in Malaysia*. New Delhi: Radiant Publisher.
- Wan Ming Sin 1967. *The History of the Organizations of the Chinese Community in Selangor, with Particular Reference to Problems of Leadership, 1857-1962*, M. A thesis, University of Malaya.
- Wang Gungwu 1981. Chinese Politics in Malaya: 173-200. DLM *Community and Nation: Essays on the Southeast Asia and the Chinese*, Kuala Lumpur: Heinemann.
- Williamson, Peter J. 1985. *Varieties of Corporatism: A Conceptual Discussion*. Cambridge: Cambridge University Press.
- _____. 1989. *Corporatism in Perspective: An Introductory Guide to Corporatist Theory*. London: Sage Publication.
- Wong C. S. 1963. *A Gallery of Chinese Kapitans*. Singapore: Government Printing Office.
- Wu Hua. 1980. 马来西亚华族会馆史略 (Ikhtisar Sejarah Pertubuhan Cina di Malaysia). Singapore: Dongnanya Yanjiusuo.
- _____. 1984. 大马华族社团的发展与功能: 107-116. (Fungsi dan Pembangunan Pertubuhan Cina Malaysia). DLM *Sin Chew Jit Pou: 55 Tahun*. Petaling Jaya: Sin Chew Jit Pou.
- Yap Swee Seng. 1995. 从华社民权运动的兴末谈华资的角色意义: 36-44. (Perbicaraan Peranan Huazi dari Sudut Kenaikan dan Penurunan Gerakan Hak Sivil Masyarakat Cina). DLM 不废江河万古流 (Sungai Yang Mengalir Berterusan), Kuala Lumpur: Huazi Resource and Research Cente.

Yen Ching-hwang. 1986. *A Social History of the Chinese in Singapore and Malaya, 1800-1911*, Singapore: Oxford University Press.

Yeoh, Michael. 1982. 马来西亚华人的困境 (Dilema Orang Cina di Malaysia). Taipei: Penerbit Wenshizhe.

Zhang Jing. 1998. 法团主义 (Korporatisme). Peking: Penerbit Sains Sosial China.

(Sumber asal dalam bahasa Cina dengan judul: 马华公会与华团之竞逐: 从华社领导权的争夺到公民社会之抗衡 dan sudah diterbitkan dalam Tee Boon Chuan & Por Heong Hong (eds). 粘合与张力 : 当代马来西亚华人族群内关系 (Intra-ethnic Relations Among Chinese in Contemporary Malaysia): hlm 39-60. Kajang: Malaysian Centre for Ethnic Studies, New Era College, 2009)

Penterjemah: Cheong Yuen Keong, Ph.D
26, Jln KP 2/16 Tmn Kajang Prima
43000 Kajang,
Selangor.

Emel: yuenkeong@hotmail.com